

Kerajaan Selangor, melalui Tourism Selangor mempelawa individu yang berkelayakan dan mempunyai minat untuk menyertai Kursus “Hos Komuniti Selangor”, satu peluang meningkatkan pendapatan melalui industri pelancongan berasaskan warisan dan komuniti setempat di Negeri Selangor.

### Hos Komuniti Setempat

“*Experiential Travel* atau pelancongan berasaskan pengalaman, adalah satu bentuk pelancongan di mana pelawat menimba pengalaman berada di sesuatu tempat dengan berinteraksi dengan masyarakat, budaya dan warisan setempat”

Hos Komuniti Selangor adalah seorang yang dilesenkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menjadi pemandu pelancong setempat kepada pelancongan berasaskan pengalaman di dalam kawasan-kawasan pemanduan yang ditetapkan. Pelawat akan mendapatkan khidmat daripada Hos Komuniti Setempat untuk merasai pengalaman unik berasaskan warisan dan budaya di daerah-daerah di Selangor.

### Mengenai Kursus

Kursus Hos Komuniti Setempat adalah program Standard Keterampilan Kebangsaan di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Di akhir kursus ini, para peserta akan boleh:

- Mengenalpasti dan menerangkan aset-aset warisan budaya dan alam semulajadi di sesebuah kawasan setempat;
- Membangun dan menyampaikan aktiviti interpretasi dengan pelbagai cara yang menarik dan bersifat mendidik (*fun and educational*);
- Memberi perkhidmatan pelanggan yang berkesan kepada pelawat dengan bersikap ramah tamah dan profesional; dan
- Membangun dan mempromosikan pengalaman-pengalaman pelancongan di dalam sesuatu kawasan setempat

### Tempat dan Tarikh Sesi

Semua peserta wajib mengikuti keempat-empat sesi dan sesi penilaian. Tertakluk kepada perubahan.

| Sesi 1                               | Sesi 2  | Sesi 3                               | Sesi 4                                 | Sesi Penilaian                         |
|--------------------------------------|---|--------------------------------------|--|--|
| Klang / Shah Alam<br>8 - 11 Mac 2019 | Hulu Selangor : 22 – 25 Mac 2019<br>Kuala Langat : 5 - 8 April 2019<br>Hulu Langat : 12 – 15 April 2019 | Kajang / Shah Alam<br>1 – 4 Mei 2019 | Kajang / Shah Alam<br>15 – 18 Jun 2019 | Kajang / Shah Alam<br>1 – 2 Julai 2019 |

### Syarat dan Kriteria Peserta

- |  |   |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemastautin di kawasan perkhidmatan pemanduan;</li> <li>ii. Umur di antara 21 hingga 35 tahun;</li> <li>iii. Sihat tubuh badan;</li> <li>iv. Boleh membaca, menulis dan mengira;</li> <li>v. Boleh bertutur dan membaca dalam <b>2 Bahasa</b> iaitu Bahasa Malaysia (wajib) dan bahasa lain dengan lancar dan baik;</li> <li>vi. Mempunyai minat, pengetahuan dan bangga dengan sejarah, budaya dan warisan tempatan khususnya berkaitan Negeri Selangor;</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>vii. Mempunyai personaliti terbuka, mesra, suka berkawan dan periang;</li> <li>viii. Mempunyai penampilan yang bersih dan sedap mata memandang;</li> <li>ix. Mempunyai keyakinan dan kelancaran berkomunikasi;</li> <li>x. Boleh memberi komitmen berterusan semasa kursus dan latihan; dan</li> <li>xi. Mempunyai sifat keusahawanan dan keinginan untuk memperbaiki diri.</li> </ul> |
|--|---|

### Anjuran

Berdasarkan ilham YAB Menteri Besar Selangor dan kejayaan pelaksanaan program perintis “Hos Komuniti Selangor” pada tahun 2018, maka program ini diteruskan lagi untuk tahun 2019. Program ini dianjurkan oleh Tourism Selangor dengan kerjasama EmpirePutra College. Kursus ini mendapat pengiktirafan JPK dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

### Pelaksanaan Kursus

#### Tempoh

- 120 jam dilaksanakan di dalam 18 hari secara berperingkat:
  - 4 Sesi Kursus (4 hari setiap sesi dan satu sesi setiap bulan)

#### Syarat Kemasukan

- Seperti di dalam jadual syarat dan kriteria di bawah.

#### Pelaksanaan

- Secara 'on-site' – meliputi 30% teori dan 70% praktikal


#### Penilaian

- Kerja Kursus 60% dan Penilaian Akhir 40%


### Persijilan dan Pelesenan

Peserta kursus yang telah lulus di dalam Kursus Hos Komuniti Setempat ini akan mendapat Sijil Keterampilan Kebangsaan di bawah JPK dan mendapat lesen Hos Komuniti Setempat Tahap 2 di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

## CARTA ALIR PROSES PEMILIHAN CALON PESERTA



## CARTA ALIR PROSES PELAKSANAAN KURSUS



**Sebarang pertanyaan, sila hubungi**

**TOURISM SELANGOR**

En. M Faroul Mustafa: 016-2076956

Pn Noorul Ashidah : 016-2076958

**EMPIREPUTRA**

En. Faisal Abd Rahman : 013-6359292

Pn. Kamilah Muhammad : 03 - 22011575



# BORANG PERMOHONAN

Kursus 'HOS KOMUNITI SELANGOR'

## BUTIRAN PESERTA

|                       |   |           |            |                   |  |
|-----------------------|---|-----------|------------|-------------------|--|
| NAMA PENUH            |   |           |            |                   |  |
| NO. KP                |   |           |            |                   |  |
| JANTINA               |   | UMUR      |            | TAHAP PERKAHWINAN |  |
| AGAMA                 |   | KETURUNAN |            |                   |  |
| ALAMAT TEMPAT TINGGAL |   |           |            |                   |  |
| TELEFON RUMAH         |   |           | TEL BIMBIT |                   |  |
| EMEL                  |   |           |            |                   |  |
| JENIS PEKERJAAN       | <input type="checkbox"/> KERAJAAN <input type="checkbox"/> SWASTA <input type="checkbox"/> KERJA SENDIRI <input type="checkbox"/> TIDAK BEKERJA             |           |            |                   |  |
| PEKERJAAN SEKARANG    |   |           |            |                   |  |
| KELAYAKAN TERTINGGI   | <input type="checkbox"/> TIADA <input type="checkbox"/> SPM <input type="checkbox"/> SIJIL <input type="checkbox"/> DIPLOMA <input type="checkbox"/> IJAZAH |           |            |                   |  |

## KEMAHIRAN BAHASA

|                 |            |                               |                                    |                                |
|-----------------|------------|-------------------------------|------------------------------------|--------------------------------|
| BAHASA MALAYSIA | Pertuturan | <input type="checkbox"/> Baik | <input type="checkbox"/> Sederhana | <input type="checkbox"/> Lemah |
|                 | Penulisan  | <input type="checkbox"/> Baik | <input type="checkbox"/> Sederhana | <input type="checkbox"/> Lemah |
| BAHASA LAIN :   | Pertuturan | <input type="checkbox"/> Baik | <input type="checkbox"/> Sederhana | <input type="checkbox"/> Lemah |
|                 | Penulisan  | <input type="checkbox"/> Baik | <input type="checkbox"/> Sederhana | <input type="checkbox"/> Lemah |
| BAHASA LAIN :   | Pertuturan | <input type="checkbox"/> Baik | <input type="checkbox"/> Sederhana | <input type="checkbox"/> Lemah |
|                 | Penulisan  | <input type="checkbox"/> Baik | <input type="checkbox"/> Sederhana | <input type="checkbox"/> Lemah |

**KENYATAAN TENTANG DIRI (Sila beri pendapat anda tentang diri anda)**

|  |                                     |                                 |                                      |                                       |
|--|-------------------------------------|---------------------------------|--------------------------------------|---------------------------------------|
| Saya berpengetahuan tentang sejarah dan warisan Negeri Selangor      | <input type="checkbox"/> Sgt Setuju | <input type="checkbox"/> Setuju | <input type="checkbox"/> Tidak Pasti | <input type="checkbox"/> Tidak Setuju |
| Saya seorang yang suka bergaul, mesra dan periang                    | <input type="checkbox"/> Sgt Setuju | <input type="checkbox"/> Setuju | <input type="checkbox"/> Tidak Pasti | <input type="checkbox"/> Tidak Setuju |
| Saya seorang yang berkeyakinan dan boleh berkomunikasi dengan baik   | <input type="checkbox"/> Sgt Setuju | <input type="checkbox"/> Setuju | <input type="checkbox"/> Tidak Pasti | <input type="checkbox"/> Tidak Setuju |
| Saya mempunyai sifat keusahawanan dan ingin memperbaiki diri sendiri | <input type="checkbox"/> Sgt Setuju | <input type="checkbox"/> Setuju | <input type="checkbox"/> Tidak Pasti | <input type="checkbox"/> Tidak Setuju |
| Saya akan memberi komitmen berterusan sepanjang kursus ini.          | <input type="checkbox"/> Sgt Setuju | <input type="checkbox"/> Setuju | <input type="checkbox"/> Tidak Pasti | <input type="checkbox"/> Tidak Setuju |
| Saya mempunyai penampilan diri yang bersih dan baik                  | <input type="checkbox"/> Sgt Setuju | <input type="checkbox"/> Setuju | <input type="checkbox"/> Tidak Pasti | <input type="checkbox"/> Tidak Setuju |

**TAHAP KESIHATAN**

Jika Ya, sila maklumkan

|                                  |  |  |
|----------------------------------|--|--|
| i. Kecacatan kekal               | <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak |  |
| ii. Sawan, Angin Ahmar           | <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak |  |
| iii. Penyakit Jantung            | <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak |  |
| iv. Lelah/Asthma                 | <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak |  |
| v. Ketagihan Dadah               | <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak |  |
| v. Penyakit Lain (Sila Nyatakan) |  |  |

**RUJUKAN (SILA BERI DUA NAMA RUJUKAN)**

| NAMA | JAWATAN | NO TEL BIMBIT |
|------|---------|---------------|
|      |         |               |
|      |         |               |

**Pengakuan Pemohon**

Saya dengan ini **MENGAKU** bahawa segala maklumat yang saya berikan di dalam borang ini adalah **BENAR DAN TEPAT**. Saya bersetuju dan menerima bahawa jika mana-mana dari pengakuan ini didapati **PALSU ATAU TIDAK BENAR**, pihak tuan/puan **BERHAK MENAMATKAN PERMOHONAN** saya dengan serta-merta **TANPA APA-APA SYARAT**.

No. Kad Pengenalan :.....

Tarikh :.....

.....  
Tandatangan Pemohon

**Tarikh tutup permohonan ini adalah pada 14 Februari 2019. Pemohon perlu mengemukakan borang ini melalui PBT masing-masing sebelum atau pada tarikh tutup permohonan ini.**